

# Emkay yakin projek terbaru dapat sambutan

Oleh Shamshul Azree Samshir

BH - 2 FEB 2000

PEMAJU hartanah, Kumpulan Emkay yakin projek rumah kos rendah terbarunya di Ipoh mendapat sambutan baik berikutan rekod cemerlang dan kepercayaan Kerajaan Perak menawarkan kontrak menjayakan program kilat perumahan kos rendah istimewa kepada syarikat itu, sejak awal tahun lalu.

Projek terbaru itu, iaitu Taman Ulu Kinta Raya atau bakal popular dengan nama Taman UK Raya, dijangka bakal memahat nama Kumpulan Emkay sebagai pemaju perumahan kos rendah disegani di Perak.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata, pihaknya yakin Taman UK Raya bakal mencatat

jualan memberangsangkan selepas kejayaan projek terdahulu, Taman Bercham Raya.

"Berebalkan pengalaman luas sebagai syarikat pemaju hartanah Bumiputera tunggal sejak 17 tahun lalu, syarikat yakin dapat terus membangunkan projek rumah kos rendah di negeri ini," katanya di pelancaran projek Taman UK Raya dan sambutan Aidilfitri bagi pembeli projek Taman Bercham Raya di Ipoh, Sabtu lalu.

Projek Taman UK Raya dibangunkan oleh anak syarikat Kumpulan Emkay, Zaman Teladan Sdn Bhd. Syarikat itu juga memajukan projek Taman Bercham Raya.

Dibangunkan atas tanah

seluas enam hektar di Jalan Tambun, kira-kira 15 kilometer dari Ipoh, Taman UK Raya menyediakan 186 unit rumah dan 27 unit kedai.

Setiap unit rumah teres dengan ruang binaan mencakupi 195 meter persegi, ditawarkan pada harga terendah iaitu RM33,000. Setiap rumah mempunyai tiga bilik tidur, ruang tamu dan makan serta pelbagai kemudahan lain.

Pembabituan Kumpulan Emkay dalam program kilat perumahan kos rendah istimewa di Perak bermula Mac tahun lalu apabila syarikat itu diminta mengemukakan kertas cadangan kepada kerajaan negeri.

Selepas perbincangan dengan jabatan dan agensi ke-

rajaan tertentu, kerja tapak di Taman Bercham Raya dilancarkan pada 1 April lalu dan kurang 20 hari kemudian, syarikat siap membina rumah contoh bagi projek itu.

Penjualan fasa pertama Taman Bercham Raya membabitkan 746 unit rumah kos rendah dilancarkan 23 Mei lalu. Pada 3 Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan pula penjualan fasa kedua projek itu.

Semua unit rumah di fasa pertama dan kedua Taman Bercham Raya habis dijual, termasuk 88 unit kedai pejabat dan empat unit kedai.

Setakat ini, pembinaan fasa pertama Taman Bercham Raya mencapai 65 peratus manakala fasa kedua

masih pada peringkat 25 peratus pembinaan.

Mustapha Kamal berkata, syarikat komited melaksanakan semua janji kepada kerajaan negeri dalam menyediakan rumah kos rendah, termasuk sederhana demi keselesaan pembeli.

"Harapan syarikat dengan pesatnya pembangunan fizikal Taman Bercham Raya dan Taman UK Raya, ia dapat memberi keyakinan kepada kerajaan negeri atas kemampuan syarikat," katanya.

Beliau berkata, syarikat menyedari rakyat amat memerlukan rumah berkualiti, selesa selain ditawarkan pada harga berpatutan dengan tempoh pembinaan singkat.